

# Bekas peguam mengaku tidak bersalah tujuh tuduhan menipu

**MIRI:** Seorang bekas peguam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tujuh tuduhan menipu berhubung urusan penjualan tanah secara bertindih membabitkan kerugian lebih RM1.1 juta.

Tertuduh, Robert Ayu, 61, dari Jalan Grand Park 2A, Jalan Airport di sini, membuat pengakuan tersebut selepas kertas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Majis-

tret Randu Rangen.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh telah didakwa memperdayakan sepasang suami isteri dan sebuah syarikat dalam urusan penjualan tanah secara bertindih membabitkan satu plot tanah di kawasan Lambir sehingga menyebabkan kedua-dua mangsa menyerahkan wang menerusi peguam cara mereka dalam bentuk enam keping cek

dan satu transaksi dalam talian yang berjumlah RM1,152,688.

Perbuatan itu didakwa dilakukan tertuduh di dua lokasi berasingan iaitu di sebuah pejabat guaman di Pusat Komersial Miri Waterfront dan sebuah premis di Jalan Kwang Tung di sini antara 27 Mei 2015 sehingga 12 Februari 2020.

Bagi kesalahan itu, tertuduh telah didakwa mengikut Sek-

syen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang dari setahun dan tidak melebihi 10 tahun serta sebat dan denda, jika sabit kesalahan bagi setiap tuduhan dihadapi.

Terdahulu di hadapan mahkamah, pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman memohon ditetapkan satu tarikh baharu untuk pengurusan kes me-

mandangkan tertuduh telah mengaku tidak bersalah.

Pihak pendakwa kemudian menawarkan jaminan RM100,000 berserta dua penjamin tempatan (memiliki pekerjaan dan alamat tetap) kepada tertuduh untuk ketujuh-tujuh tuduhan itu dengan mengambilkira jumlah kerugian yang dialami pengadu melebihi RM1 juta.

Bagaimanapun, peguam

bela Zainuranisa Bani dan Nico Ngumbang yang mewakili tertuduh merayu agar jumlah jaminan yang ditawarkan itu dikurangkan kepada RM500 bagi setiap tuduhan dan tanpa deposit memandangkan tertuduh telah diisytiharkan mufliis pada tahun 2021 dan kini mengalami masalah kewangan.

Majistret Randu membenarkan permohonan itu dan

menetapkan 15 Mei depan sebagai tarikh pengurusan kes.

Sementara itu, tertuduh diperintahkan dibebaskan dengan jaminan RM1,500 berserta seorang penjamin tempatan bagi setiap tuduhan dan sebagai syarat tambahan, tertuduh diperintah melaporkan diri kepada pegawai penyiasat setiap bulan sehingga kes selesai dan pasportnya turut ditahan.